


WAKAF INSTRUMEN PENJANAAN EKONOMI

Oleh: Dr Hajah Dalila Haji Daud

Wakaf adalah satu instrumen berkaitan kepentingan masyarakat yang secara khusus bertujuan menyelesaikan masalah ekonomi sesebuah negara. Wakaf berasal daripada kata dasar "waqafa" yang bermaksud "pengurangan dan larangan" atau menyebabkan sesuatu berhenti (Hasan, 2007¹). Wakaf merupakan salah satu konsep dalam agama Islam yang merujuk kepada jenis amalan khusus yang diberikan untuk tujuan kebaikan atau belas kasihan. Harta wakaf tidak boleh dijual beli, tidak boleh dilaburkan dan juga tidak boleh diwariskan kepada waris pewakaf. Ianya digunakan sebagai amal dan hadiah kekal yang memberikan manfaat kepada orang ramai untuk tempoh tertentu atau selama-lamanya. Manfaat wakaf, sama ada dari segi hasil atau keuntungan dapat memberi faedah yang berpanjangan selagi ada kebaikan yang dikongsi bersama orang miskin atau masyarakat umum (Kahf, 1998²; Abdullah, 2007³; Qahaf, 2007⁴; Abu Zahrah, 2007⁵).



Amalan berwakaf menyumbang kepada peningkatan sosio-ekonomi ummah dan melindungi mereka daripada kemiskinan. Wakaf merupakan amalan yang sangat digalakkan dalam Islam selain daripada sedekah kerana ianya melibatkan pengorbanan harta yang dimiliki pada jalan Allah. Walaupun ia bukanlah satu kewajipan seperti mana zakat, amalan wakaf ini amat dituntut berdasarkan Firman Allah SWT dalam surah Ali-'Imran ayat 92:



﴿٩٢﴾ ۞ لَنْ تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُم مِّمَّا كَسَبْتُمْ حَتَّىٰ تَنْفِقُوا مِمَّا تَحِبُّونَ ۚ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ

“Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan yang sempurna sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya” (Ali-Imran: 92).

Ayat ini menjelaskan kebaikan kepada pemberi wakaf (wakif) serta wakaf itu sendiri memandangkan ianya adalah satu tindakan (pemberian wakaf) untuk memenuhi keinginan orang-orang yang tidak berkemampuan.

Wakaf telah termaktub di dalam Al-Quran sebagai salah satu amal soleh yang mana pahalanya dijanjikan oleh Allah swt sebanyak 70 kali ganda (Surah 2: 261) . Dalam ayat lain pula, tindakan pewakaf yang menyumbangkan harta sebagai perbuatan berwakaf adalah digalakkan dalam Islam (Surah 73:20 dan Surah 64:17). Waqaf menurut persepsi Islam sangat penting kerana ia bukan sekadar kaedah menderma sambil beramal, malah merupakan satu instrumen pembangunan ekonomi masyarakat. Sadeq (2002)⁶ menambah bahawa wakaf juga merupakan mekanisme untuk mengurangkan kemiskinan di kalangan anggota masyarakat, di mana pernyataan itu dipersetujui oleh Daud (2019)⁷. Sabda Rasulullah s.a.w pula dalam satu hadith yang bermaksud: “Apabila mati seseorang manusia, terputuslah amalnya (tidak bertambah lagi kebaikan amalnya itu) kecuali tiga perkara; sedekah jaariyah, ilmu yang bermanfaat, dan anak soleh yang mendoakan kedua ibu bapanya” (Hadis Riwayat Muslim). Berdasarkan hadith di atas, ulama’ hadith bersepakat bahawa sedekah jaariyah dalam hadith berkenaan merujuk kepada amalan wakaf kerana bentuk-bentuk sedekah yang lain tidak berpanjangan sifatnya atau kekal seperti mana wakaf yang terus mengalir kepada pewakaf walaupun selepas kematiannya (Sulaiman, 2008)⁸.



Rujukan:

¹ Hasan, Z. (2007). The effectiveness of the administration of waqf land in Malaysia. *International Waqf Conference Southern Africa, Cape Town, Islamic Development Bank, the Islamic Research and Training Institute, the Kuwait Awqaf Public Foundation and Awqaf South Africa*, 17-19 August, 2007

² Kahf, M. (1998). *Contemporary issues in the management of investment awqaf in Muslim countries and communities*. International Conference on Awqaf and Economic Development Kuala Lumpur, 2-4 March, 1998.

³ Abdullah, M. (2007). *Sistem penyampaian manfaat wakaf kepada maukuf alaih di Negeri Pulau Pinang: satu cadangan penyelidikan*, Bengkel Siswazah ISDEV III, Pusat Pengajian Pengurusan dan Pembangunan Islam, Universiti Sains Malaysia, 12-13 December 2007.

⁴ Qahaf, M. (2007). *Manajemen wakaf produktif [Management of productive waqf]*. Jakarta Timur: Khalifa Pustaka Al-Kautsar Grup.

⁵ Abu Zahrah, M. (2007). *Wakaf menurut agama dan undang-undang [Waqf according to religion and law]*, (Sinaga Y., Trans.). Selangor: Jasmine Enterprise, Berlian Publication Sdn. Bhd.

⁶ Sadeq, A. M. (2002). *Waqf, perpetual charity and poverty alleviation*, *International Journal of Social Economics*, 29(1/2), 135-151.

⁷ Daud, D. (2019). The role of Islamic governance in the reinforcement waqf reporting: SIRC Malaysia case. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*.

⁸ Sulaiman, S. (2008). Hukum Pembangunan Tanah Wakaf Khas Menurut Perspektif Syarak. *Jurnal Muamalat*, 45–64.